

Seni Perpindahan Harakat Tarannum: Kajian Terhadap Metodologi Pengajaran Ustaz Che Yahaya Daud

The Art of Harakat Tarannum Displacement: A Study towards Teaching Methodology of Ustaz Che Yahaya Daud

Mukhlis Mustaffa¹, Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi², Khairulnazrin Nasir³ & Ikmal Adnan⁴

- ¹ (Corresponding Author) Department of Islamic Studies, Faculty of Human Studies, Sultan Idris University of Education, 35900, Malaysia, e-mail: ahmadmukhlismutaffa@gmail.com
- ² Department of Islamic Studies, Faculty of Human Studies, Sultan Idris University of Education, 35900, Malaysia, E-mail: zulfiqar@fsk.upsi.edu.my
- ³ Department of Usuluddin, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: khairulnazrin19@gmail.com
- ⁴ Department of al-Quran & Hadis, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: ikmal.adnan@kias.edu.my

ABSTRAK

Ilmu bacaan al-Quran perlu diterima melalui metode pengajian secara *talaqqi* dan *mushafahah*. Salah satu cabangnya ialah seni suara *Tarannum*. Proses pembelajarannya perlulah dipandu oleh guru dan pembimbing yang mahir, pakar dan berpengalaman supaya selari dengan saranan hadis Rasulullah SAW menyarankan supaya bacaan al-Quran dihiasi dengan suara-suara yang indah. Antara perkara yang sangat penting dalam ilmu *Tarannum* ialah aspek perpindahan harakat *Tarannum*. Demikian bukan sekadar berpindah daripada satu *maqam* ke *maqam* yang lain, malah memerlukan hasil perkiraan yang perlu dilakukan terhadap tahap suara dan bentuk alunan harakat sebelumnya. Susunan harakat *Tarannum* juga ibarat satu tali yang bersambung antara satu sama lain. Teknik ini memerlukan kepada kepakaran dan kesenian dalam mengolah alunan suara dan *Tarannum* supaya perpindahan yang dilakukan bersesuaian dengan suara, *tabaqat* dan bentuk ayat. Oleh itu, artikel ini membincangkan tentang sumbangan seorang pakar *Tarannum* terkenal di Malaysia iaitu Che Yahaya Daud dan metodologi yang diaplikasikan dalam pengajaran pengurusan suara *Tarannum* dalam membentuk harakat yang menarik dan fleksibel. Kajian ini ialah kajian tokoh dan metodologi yang digunakan adalah kaedah pemerhatian dan temu bual. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan suara dan alunan pada *Tarannum* dan harakat Bayyati adalah penentu kepada bentuk alunan suara pada alunan harakat *Tarannum* berikutnya. Kajian juga membuktikan bentuk bunyi kalimah al-Quran pada ayat juga mempengaruhi bentuk dan alunan harakat. Implikasinya, dapatan kajian ini mampu membantu para qari dalam proses perpindahan harakat seperti yang diaplikasikan oleh Che Yahaya Daud serta melahirkan qari yang mampu menzahirkan kemukjizatan ayat al-Quran dengan memaksimumkan aspek penggunaan suara *Tarannum*.

Kata Kunci: Perpindahan; Harakat; Tarannum; Che Yahaya Daud

ABSTRACT

The mastery of Quran recitation needs to be accepted through the talaqqi and mushafahah teaching methods. One of its branches is tarannum sound art. The learning process needs to be guided by skilled, expert, and experienced teachers and mentors so that it is in line with the thought of the hadith; Rasulullah SAW indicated the Quran reciting can be embellished with beautiful voices. Things that are very important in tarannum mastery is the tarannum harakat shift aspect. Thus, it is not just moving from one point to another, it even requires an estimation that needs to be made on the sound stage and form from the previous vowel strains. The composition of the tarannum harakat is also like a string that is connected. This technique requires expertise and art in processing the sound strains and tarannum so that the displacement is appropriate to the sound, tabaqat and form of the verse. Therefore, this article discusses the contribution of a well-known tarannum expert in Malaysia, namely Che Yahaya Daud and the methodology applied towards tarannum voice formation teaching in forming an attractive and flexible vowel. This is a character study and the methodology used here is observation and conversation methods. The results of the study show that the use of sounds and styles in tarannum and Bayyati harakat is the determinant to the rhythm at the next tarannum harakat the sound strains. The study also proves that the form of the sound in the Quran verse also affects the strains and rhythm of the harakat. The implication is that the results of this study can help reciters in the process of translating harakat as applied by Che Yahaya Daud and to produce reciters who can manifest the miracles of the verses in the Quran by maximizing the aspects of the tarannum voice usage.

Keywords: Displacement; Harakat; Tarannum; Che Yahaya Daud

1. Pengenalan

Tarannum al-Quran merupakan ilmu olahan suara gabungan teori dan praktikal dalam pembacaan al-Quran secara berlagu (Mohd Ali Abu Bakar, 1997). Suara merupakan salah satu nikmat Allah SWT yang berfungsi sebagai alat komunikasi sesama manusia. Ia boleh didefinisikan sebagai suatu getaran bunyi yang diproses oleh udara dari paru-paru melalui selaput suara ke rongga-rongga mulut atau hidung yang akan ditentukan bunyinya oleh alat pertuturan yang lain mengikut kehendak yang tertentu. Dalam hal ini, Islam menggalakkan umatnya membaca ayat suci al-Quran dengan suara yang lunak sehingga dapat memberi kesan kepada hati pembaca dan pendengarnya. Kaedah ini dikenali sebagai *tahsin al-sowt*. Abū Hurayrah RA meriwayatkan, Rasulullah SAW bersabda:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَتَعَنَّ بِالْقُرْآنِ. وَزَادَ غَيْرُهُ: يَجْهَرُ بِهِ

Terjemahan: Tidak tergolong daripada golongan kami (di atas sunnah dan jalan kami) mereka yang tidak menggunakan suara cantik dan merdu berlagu membaca al-Quran; menyaringkan bacaan al-Quran

[*Ṣaḥīḥ* al-Bukhari, no. hadith: 7089]

Apabila sesuatu seni itu membawa manfaat kepada manusia khususnya seni suara dengan mempraktikkannya dalam pembacaan al-Quran, maka memperindahkan dan menghiasinya dengan melunakkan bacaan dan mengelakkan daripada sebarang kesalahan tajwid adalah dibenarkan oleh Islam. Al-Barra' bin 'Azib RA meriwayatkan, Rasulullah SAW bersabda:

زَيِّنُوا الْقُرْآنَ بِأَصْوَاتِكُمْ

Terjemahan: Hiasilah bacaan al-Quran dengan suara-suara kamu.

[*Sunan al-Nasa'i*, no. hadith: 1015, Dinilai *ṣaḥīḥ* oleh al-Albānī]

Rasulullah SAW menyebut dengan lafaz '*aswatikum*' yang lahir daripada perkataan tunggal bagi *sawt*. *Aswat* ini bermakna suara-suara, beberapa bentuk lagu atau nada dan irama (Nik Ja'far, 1998). Al-Sindi (t.t.) menerangkan bahawa kalam yang cantik, akan semakin cantik dan indah (زِينَةً) apabila dibaca dengan suara yang cantik dan merdu. Ibn Qudamah (1985) turut menjelaskan bahawa hal demikian diharuskan (مُسْتَحَبٌّ غَيْرُ مَكْرُوهٍ) dengan syarat tidak berlaku perubahan pada lafaz al-Quran dan penambahan pada hurufnya.

Sementara itu pembacaan dan pengajian al-Quran sama ada bertajwid atau berlagu ialah merupakan suatu ilmu yang melibatkan suara dan merupakan seni yang rumit untuk dikuasai. Cara utamanya mestilah diterima dan dipelajari daripada para guru yang *mutqin* melalui proses *talaqqi* dan *mushafahah*. Proses merekod catatan seterusnya mempelajari sistem bunyi, irama dan lenggok suara melalui lembaran kertas adalah suatu yang sukar (Mahyuddin, 2013).

Negara Malaysia terkenal dengan tokoh-tokoh qari sama ada di Nusantara khususnya dan di dunia amnya. Jasa tokoh-tokoh ini memperkenalkan dan menyebarkan ilmu telah memberi impak positif dalam ilmu al-Quran khusus ilmu seni *Tarannum*. Pengaruh positif ini telah tersebar dengan cepat ke seluruh Malaysia dan Nusantara serta memberi kesan besar dalam pemantapan bacaan al-Quran (Ahmad Junaidi Che Ariffin, 2018). Justeru, artikel ini berusaha untuk membincangkan kaedah dan pendekatan pengajaran seorang pakar *Tarannum* terkenal di Malaysia iaitu Che Yahaya Daud dalam

pengurusan suara *Tarannum* pada membentuk perpindahan harakat *Tarannum* yang menarik.

2. Metodologi Kajian

Penulisan ini menggunakan pendekatan kajian secara kualitatif. Kaedah pengumpulan data ialah secara pemerhatian dan temu bual. Dua metode ini digunakan bagi mengumpul maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan tokoh yang dikaji. Metode temu bual dijalankan ke atas Ustaz Che Yahaya Daud pada 27 Ogos 2021. Temu bual adalah berkisar tentang hubungan antara harakat *Tarannum* dan tahap suara, item penilaian dan pengisian harakat dan juga metodologi perpindahan harakat *Tarannum* selepas lagu *Bayyati*. Manakala lima siri metode pemerhatian dijalankan ke atas aktiviti-aktiviti berkaitan pengajaran dan perkongsian seni *Tarannum* yang melibatkan Ustaz Che Yahaya Daud. Seterusnya data dianalisis menggunakan metode Deduktif dan metode Komparatif.

3. Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini akan membahaskan tentang dapatan dan perbincangan lanjut tentang latar belakang Ustaz Che Yahaya Daud yang meliputi maklumat peribadi dan sumbangan beliau dalam bidang tarannum al-Quran. Perbincangan utama tertumpu kepada martabat suara, *maqam* tarannum dan diakhiri dengan metode serta seni perpindahan harakat tarannum Ustaz Che Yahaya Daud.

3.1 Latar Belakang Ustaz Che Yahaya Daud

1) Biodata

Che Yahaya Daud dilahirkan pada 26 Februari 1963 di Kampung Kajang Sebidang Tumpat, Kelantan Darul Naim. Beliau merupakan anak kedua daripada lima orang adik-beradik. Ayah beliau, Daud bin Ali adalah seorang petani dan guru agama, manakala ibu beliau, Che Mas binti Dolah merupakan seorang suri rumah. Sekarang beliau menetap di Kampung Derdap, Limbat, Pasir Tumboh, Kelantan. Kini beliau bertugas sebagai Penyelia Tahfiz Yayasan Islam Kelantan (YIK) (Anuar Hasin, 2019).

Minat terhadap ilmu al-Quran khususnya ilmu *Tarannum* telah dipupuk sejak kecil oleh ayahanda ustaz sendiri. Minat tersebut terus subur dan berkembang sehingga kini. Antara gurunya secara formal dalam bidang dalam bidang *Tarannum* ialah Ustaz Haji Hassan bin Musa, Ustaz Haji Maasom Pergau, Haji Nik Jaafar bin Nik Ismail, Hajjah Siti Noor Ismail dan Hajjah Faridah Mat Saman, Haji Abdul Rahman bin Husin, Haji Razali bin Hasbullah (Ahmad Junaidi Che Ariffin, 2018; Anuar, 2019). Di samping belajar ilmu

Tarannum, beliau juga menceburi pertandingan tilawah al-Quran bagi mengasah bakat dan mencari pengalaman baru dalam bidang *Tarannum*. Hasilnya pada tahun 1999, beliau telah muncul sebagai Johan Majlis Tilawah al-Quran di peringkat Negeri Kelantan, Kebangsaan dan Antarabangsa. Sejak itu, nama beliau di dalam bidang *Tarannum* al-Quran khusus seni olahan suara bertarannum semakin dikenali baik di peringkat Negeri Kelantan mahupun di peringkat nasional (Anuar, 2019). Terdapat pelbagai lapisan pelajar datang untuk mengambil tunjuk ajar daripada ustaz dalam bidang *Tarannum* dan aspek pengurusan suara.

2) *Sumbangan*

Che Yahaya Daud merupakan pengajar bagi kursus Sijil Tinggi *Tarannum* kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2007 hingga 2009. Selain itu, beliau telah dilantik menjadi tenaga pengajar khas bagi qari-qari di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia bermula dari tahun 2018 hingga 2019. Selain itu, beliau juga pernah dijemput untuk memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran sempena persidangan Menteri Luar OIC 2000 dan tahun 2003 (Pertubuhan Negara-negara Islam) dan juga di Muktamar Haji peringkat Antarabangsa. Selain itu, beliau juga sering diundang sebagai penceramah dan jurulatih *Tarannum* sama ada dalam Kelantan, Negeri-negeri di semenanjung Malaysia dan juga Borneo (Ahmad Junaidi Che Ariffin, 2018).

Sumbangan beliau dalam menyebarkan ilmu *Tarannum* tidak terhad kepada golongan qari dan qariah semata-mata, akan tetapi beliau juga mengajarkannya kepada penggiat Dikir Barat di Kelantan. Sehubungan itu, kelas asas *Tarannum* diwujudkan oleh Yayasan Dikir Barat Negeri Kelantan pada tahun 2017 dengan tujuan untuk melatih para penggiat seni Dikir Barat dengan seni suara al-Quran. Selain menyumbang ilmu pengetahuan melalui kelas-kelas yang dianjurkan, Ustaz Che Yahaya Daud juga selalu dijemput sebagai penceramah dan fasilitator dalam bidang *Tarannum* al-Quran di kursus tahsin al-Quran di dalam dan di luar negara antaranya Terengganu, Pahang, Perak, Selangor, Johor, Kedah, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak (Anuar Hasin, 2019).

Beliau juga sering diundang sebagai qari jemputan di majlis-majlis rasmi sempena hari keraian Islam seperti Majlis Sambutan Maulidur Rasul, Isra' dan Mikraj, Tahun Baru Ma'al Hijrah, dan lain-lain lagi, sama ada di peringkat negeri mahupun kebangsaan. Lebih membanggakan, beliau juga telah mengharumkan nama Malaysia dengan memenuhi jemputan-jemputan yang diterimanya dari luar negara seperti Brunei, Thailand, Vienna, Iran dan Indonesia (Anuar Hasin, 2019).

Beliau juga seorang hakim di dalam Majlis Tilawah al-Quran. Pada tahun 2000, beliau telah dilantik oleh kerajaan Negeri Kelantan sebagai panel hakim skop bidang suara di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Kelantan

sehingga kini. Selain itu, beliau juga pernah diundang menjadi hakim di Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri di beberapa buah negeri iaitu:

1. Negeri Perak (2009, 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015)
2. Negeri Sabah (2013, 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018) dan
3. Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Brunei Darussalam (2013) (Ahmad Junaidi Che Ariffin, 2018; Anuar Hasin, 2019).

Atas penglibatan beliau dalam bidang al-Quran ini, pada tahun 2000 Ustaz Che Yahaya Daud telah dianugerahkan Anugerah Bintang Kebesaran Kerajaan Negeri Kelantan dengan Anugerah Ahli Kelantan (A.K) bersempena hari keputeraan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan Kelantan (Junaidi, 2018).

3.2 *Martabat Suara (طَبَقَاتُ الصَّوْتِ)*


Terdapat empat Martabat, aras atau *tabaqat* suara yang digunakan dalam pembacaan al-Quran.

1) *Qarar (قَرَارٌ)*

Merupakan suara biasa dan suara kebanyakan manusia yang digunakan ketika percakapan harian. Definisinya suara *tabaqat qarar* ialah dikenali dengan suara dada (Nik Ja'far, 1998) kerana getaran suaranya dapat dirasai di dada. Ia juga disebut suara rendah (Wan Hilmi, 2010; 2012).

Dalam pembacaan sebenarnya dalam Ilmu *al-Maqamat*, suara *qarār* ini adalah berbeza antara setiap qari dengan qari yang lain bergantung kepada jenis suara yang dimiliki (Che Yahaya Daud, 2021). Contohnya *tabaqat qarar* bagi suara jenis Bass; Tenor; Pariton adalah tidak sama sama sekali antara sama lain. Suara *tabaqat qarar* terbaik adalah yang mempunyai ciri berikut iaitu: suara kasar dan terbuka; suara jelas, dan sedap didengar.

Rajah 1: Sifat Suara *Qarar*



2) *Sederhana* (نَوَى)


Merupakan suara yang sederhana (Mohd Ali Abu Bakar, 1997). Ianya berfungsi di tekak (Nik Ja'far, 1998).

3) *Jawab* (جَوَاب)

Merupakan suara pertengahan antara suara *qarar* dan *jawab al-Jawab*. Kekuatan bunyinya berbeza antara satu dengan yang lain bergantung kepada jenis suara dan tahap latihan yang telah dilakukan.

Jawāb juga sebagai Suara Pelengkap bagi *Qarar* (مُتَمِّمَةٌ لِلْقَرَارِ). Ini bermakna tanpa suara peringkat *jawab* maka tidak lengkap atau sempurna sesuatu alunan bacaan bagi setiap *maqam* atau *Tarannum*. Justeru, dalam ukuran Tangga Suara (سُلَّم), nada Do diulang dua kali. Iaitu pada awal peringkat *qarar* dan pada peringkat *jawab* yang merupakan darjat tangga ke lapan (rujuk Rajah 2). Ciri yang perlu ada padanya ialah: tinggi dan kuat (قَوِيٌّ), lantang dan tajam (حَادٌّ) stabil, dan selesa bagi pembaca dan juga pendengar.


Rajah 2: Hubungan *Tabaqat Qarar* dan *Jawab*



4) *Jawab al-Jawab* (جَوَابُ الْجَوَابِ)

Ia merupakan tingkatan suara yang paling tinggi (Wan Hilmi, 2010) yang dapat dan mampu dikeluarkan oleh manusia. Ia dikenali juga dengan suara kepala (صَوْتُ الرَّأْسِ) atau suara rongga otak (Nik Ja'far, 1998). Suara *Qarar* jika kita meletakkan tangan kita di pipi, kita akan dapat merasakan getaran di dada lebih banyak berbanding dengan di kepala dan rongga hidung. Sebaliknya berlaku pada *tabaqat Jawab al-Jawab*. Ia mempunyai unsur kestabilan nada, tinggi, tajam, nyaring, lembut, manis, licin dan bersih.

Rajah 3: Sifat Suara *Jawab al-Jawab*



3.3 Maqam Tarannum

1) Pengenalan

Maqam ialah إِتِّجَاهُ اللَّحْنِ iaitu jalan dan bentuk alunan serta irama. Terdapat ribuan *al-Maqamat al-'Arabiyyah* ataupun alunan-alunan lagu Arab. Begitu juga *al-Maqamat al-Asasiyyah*, terdapat tujuh atau lapan lagu asas dan ada juga membahagikannya kepada 9 bahagian. Kemudiannya daripada asas inilah terhasilnya ribuan lagi maqam *furu'* atau cabang (Mahyuddin, 2013).

Para Qurra' walaupun mereka mengalunkan maqam yang sama, namun mereka berbeza pada alunan setiap *maqam* mengikut angin, suasana, perasan dan jenis suara mereka. Dan mereka mempunyai cara dan manhaj yang tersendiri ketika mengolah turun (النُّزُولُ) dan naik (الصُّعُودُ) *tabaqat* suara pada setiap alunan serta perpindahan di antara harakat bagi setiap maqam *Tarannum*.

2) Jenis Alunan Maqam Tarannum

Menurut Nik Ja'far (1998) dan Wan Hilmi (2010; 2013) terdapat tujuh lagu asas (*al-maqāmāt al-asāsiyyah*) iaitu, *Sābā, Nahāwand, 'Ajām, Bayyāti, Sīkah, Hijāz dan Rast*. Ianya dirangkumkan dalam kalimah berikut:

صَنِيعَ بِسِحْرِ

Terdapat perselisihan sama ada *maqam Jiharkah* adalah *maqam* yang asli ataupun *maqam furu'* yang mana pecahan daripada *maqam 'Ajām*. Menurut Che Yahaya Daud (2021) '*Ajām* adalah lagu *furu'* dan ianya merupakan pecahan daripada *Jiharkah*. Rasionalnya *maqam* tersebut tidak dapat berdiri sendiri. Lazimnya *maqam 'Ajām* diwuslahkan sama ada dengan *Sābā, Nahāwand* atau *Jiharkah*.


Rajah 4: 'Ajam Maqam Furu'



3) Urutan Maqam

Terdapat dua urutan *maqam Tarannum* yang menjadi manhaj Che Yahaya Daud dalam pengajarannya.

Rajah 5: Dua Bentuk Urutan Maqam



Namun terdapat keadaan yang mana urutan ini tidak digunakan, iaitu terhadap pelajar peringkat asas dan juga ketika pengajaran hanya tertumpu kepada kemahiran bagi *maqam* dan harakat tertentu sahaja. Contohnya pada ayat, *لَنْ يَسْتَنْكِفَ الْمَسِيحُ أَنْ يَكُونَ عَبْدًا لِلَّهِ وَلَا الْمَلَائِكَةُ الْمُقَرَّبُونَ* (al-Nisa', 4: 172), pada sesetengah sesi pengajaran semua pelajar hanya perlu membaca satu harakat sahaja iaitu harakat *Jawab* bagi *maqam Bayyati*.

3.4 Perpindahan Harakat Tarannum Ustaz Che Yahaya Daud


1) Definisi Harakat

Harakat pada bahasa bererti gerakan dan beraksi. Ia merupakan pecahan daripada *haruka*, *yahruku*, *harakah* (حَرَكَ، يَحْرُكُ، حَرَكَةٌ). Harakat adalah lawan kepada lemah dan senyap (السُّكُونُ). Kata Ibn Sidah, dikatakan *ghulam harik* (غُلَامٌ حَرِكٌ) bermaksud budak yang cergas dan cerdas (Ibn Manzur, 1994). Manakala menurut istilah Harakat *Tarannum* ialah suatu alunan yang terdiri daripada beberapa pusingan gerak yang ditentukan olahannya oleh gerak dan *tabaqat* suara (Che Yahaya Daud, 2021).

Merujuk kepada perbincangan sebelumnya, alunan setiap *maqam* dan *tabaqat* suara merupakan perkara yang berlainan. Namun dalam praktikal bacaan, setiap *tabaqat* mempunyai alunan yang khusus. 'gerak dan *tabaqat* suara' di atas merujuk kepada keperluan menggunakan *tabaqat* suara dalam


pembacaan. Oleh itu, setiap harakat mesti mempunyai pengisian alunan dan juga pada penggunaan *tabaqat* suara yang tepat (Che Yahaya Daud, 2021).

Rajah 6: Kefahaman Harakat



Mengikut Haji Hasan Musa yang bersumberkan daripada Haji Ahmad bin Mat Som Pergau daripada gurunya Syeikh Taha al-Fashni (Che Yahaya Daud, 2021), setiap *maqam* lagu mempunyai enam harakat. Dimulai dengan *maqam* asli dan diakhiri dengan *Qarar* atau *Mahattah*. Harakat tersebut diterangkan dengan rajah berikut:

Rajah 7: Susunan Harakat Menurut Haji Hasan Musa



Bagi Che Yahaya Daud (2021) bahawa setiap harakat pertama bagi setiap *maqam Tarannum* mestilah terdiri daripada *Maqam Asli* bagi *maqam* tersebut tanpa dicampurkan dengan *maqam-maqam furu'* yang lain.

2) *Perpindahan Harakat*

Bentuk suara dan juga bentuk alunan *maqam* berjalan secara harmoni dalam menentukan perpindahan harakat *Tarannum* yang tepat dan cantik. Harakat baru perlu selari dengan harakat sebelumnya pada timbangan (الْوَزْنُ) suara dan aliran alunan. Berikut adalah metode dan disiplin Che Yahaya Daud dalam melakukan perpindahan harakat,


a) *Isti'adzah dan Basmalah*

Alunan Harakat *Bayyati* merupakan alunan yang terpenting yang menentukan bentuk alunan harakat *maqam-maqam* selepasnya. Menurut Che Yahaya Daud (2021) *tabaqat* dan bentuk alunan *Isti'adzah* dan *Basmalah* menentukan bentuk aliran harakat pertama *Bayyati*. Jika dimulakan *Isti'adzah* dan *Basmalah* dengan alunan yang rendah maka harakat pertama juga mesti dibaca

dengan *tabaqat* yang sama. Begitulah juga jika Isti'adzah dan Basmalah dibaca dengan aras suara yang tinggi maka alunan yang berada selepasnya perlu dibaca dengan *tabaqat* yang tinggi juga.

Rajah 8 di bawah adalah disiplin susunan harakat asas *maqam Bayyati* Che Yahya Daud. Pada Harakat Enam Bayyati, disiplin *maqam Bayyati* sudah tamat. Namun disiplin *tabaqat* suara masih berbaki dua tahap iaitu *tabaqat Jawab* dan *Jawab al-Jawab*.

Rajah 8: Urutan Harakat *Maqam Bayyati*




Namun demikian, kesesuaian bentuk jumlah ayat harakat semasa juga perlu diambil kira bukan semata-mata bergantung kepada faktor alunan Isti'adzah dan Basmalah.

b) *Kesesuaian*

Setelah mengenal bentuk alunan yang akan dibaca, kena lihat pula pada faktor kesesuaian pada bentuk ayat semasa.

Rajah 9: Hubungan Isti'adzah, Basmalah dan Bentuk Ayat Harakat 1



Berpandukan rajah 9 di atas, jika harakat pertama *Bayyati* merupakan huruf *Muqatta'ah* pada permulaan surah, maka alunannya dimulakan dengan tahap rendah (lihat contoh ayat di bawah). Maksudnya, hasil gabungan alunan Isti'adzah, basmalah dan faktor kesesuaian ayat akan menentukan bentuk aliran alunan harakat pertama *maqam Bayyati*. Contohnya pada surah Hud, 11:1:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الرَّ كِتْبُ أَحْكَمَتْ ءَايَتُهُ ثُمَّ فَصَلَتْ مِنْ
لَدُنْ حَكِيمٍ خَبِيرٍ ۱

c) *Pengisian Harakat*

Kadar jumlah ayat juga perlu diambil kira dalam penentuan alunan harakat *Tarannum*. Jika jumlah ayat pendek, perlu disempurnakan alunannya dalam satu harakat penuh. Contoh pada surah Hud, 11: 25:


أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ إِنِّي لَكُمْ نَذِيرٌ
مُّبِينٌ ٢٥

Pada ayat panjang, alunan harakat akan dibuat dalam bentuk potongan (قطعة) bagi menyempurnakan harakat penuh (lihat contoh ayat di bawah) (Che Yahaya Daud 2021). Potongan dibuat sebagai meraikan waqaf dan makna ayat yang menjadi fokus utama ilmu *Tarannum* iaitu salah satu bentuk pentafsiran al-Quran melalui harakat *Tarannum*. Contohnya pada surah al-Baqarah, 2: 263:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ قَوْلٌ مَّعْرُوفٌ وَمَغْفِرَةٌ خَيْرٌ مِّنْ صَدَقَةٍ
يَتَّبِعُهَا أَذَىٰ وَاللَّهُ عَنِّي حَلِيمٌ ٢٦٣

Pengisian yang dibuat dalam alunan harakat mestilah mampu mengatasi kelemahan yang ada pada harakat tersebut. Bentuk pengisian alunan mesti mampu memanaskan kembali alunan tersebut. Contohnya harakat pertama yang dimulai dengan *tabaqat* suara yang rendah, mesti dihangatkan kembali dengan menggunakan alunan yang mampu menutup kelemahan tersebut. Begitulah seterusnya sehingga ke harakat keenam *Bayyati*. Walaupun alunan *maqam Bayyati* berakhir pada harakat enam *Bayyati*, *Jawab al-Jawab Husayni* harakat tujuh dan seterusnya wajib dibaca bagi menyempurnakan *tabaqat* suara *maqam Bayyati*.

Rajah 10: Urutan Harakat *Maqam Bayyati*




d) Aras Suara Maqam Selepas Bayyati

Kesinambungan dan ketepatan timbangan suara adalah faktor yang terpenting pada harakat *tarannum* baru (rujuk Rajah 7) yang berada selepas *Tarannum Bayyati*. Jika dilihat susunan (rujuk Rajah 11), harakat *tarannum* baru akan mengikut tahap suara terakhir *maqam Bayyati* pada harakat *Jawab al-Jawab Husayni*. Namun, disiplin dan metode Che Yahaya Daud adalah menggunakan tahap suara sama aras dengan *tabaqat* suara yang berada pada harakat Enam *Bayyati* (lihat contoh ayat di bawah). Pada aras suara tadi, alunan-alunan suara harakat *maqam* baru (sama ada *Hijaz* atau *Saba*) dapat dialunkan dengan baik dan selesa kerana selepasnya masih lagi berbaki dua *tabaqat* suara. Contoh pada surah Qaf, 50: 5-7

بَلْ كَذَّبُوا بِالْحَقِّ لَمَّا جَاءَهُمْ فَهُمْ فِي أَمْرٍ مَّرِيجٍ ، أَفَلَمْ يَنْظُرُوا إِلَى السَّمَاءِ فَوْقَهُمْ كَيْفَ بَنَيْنَاهَا وَرَزَقْنَاهَا وَمَا لَهَا مِنْ فُرُوجٍ ، وَالْأَرْضَ مَدَدْنَاهَا
وَأَلْقَيْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ وَأَشْبَتْنَا فِيهَا مِنْ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ۝

Maqam Hijaz atau Saba	Jawab & Jawab al-Jawab Husayni	Harakat 6 Bayyati
-----------------------	--------------------------------	-------------------

Rajah 11: Aras Suara Alunan Harakat *Tarannum* Selepas *Bayyati*




Rasionalnya, jika harakat lagu baru dimulakan dengan menggunakan *tabaqat* suara harakat tiga (rujuk Rajah 11, Asli, *Husayni*, *Shuri*, *Kurdi*) dan ke bawah maka aras suara harakat *tarannum* menjadi terlalu rendah dan akan merencatkan alunan. Manakala jika harakat baru mengikut timbangan suara pada aras *jawab Husayni* atau *jawab al-Jawab Husayni*, maka harakat lagu baru tidak dapat ditamatkan dengan sempurna kerana *tabaqat* suara sudah mencapai tahap maksimum.

Che Yahaya Daud (2021) merumuskan perpindahan harakat membutuhkan segala potensi yang ada pada suara dan olahan *tarannum* mengikut suasana dan emosi semasa serta mengikut kesesuaian makna ayat.

Seni Perpindahan Harakat Tarannum: Kajian Terhadap
Metodologi Pengajaran Ustaz Che Yahaya Daud

Rajah 12: Kaedah dan Disiplin Perpindahan Harakat *Tarannum*



4. Kesimpulan

Pengkaji melihat kaedah Che Yahaya Daud meneruskan tradisi pengajian *tarannum* secara *talaqqi* dan *mushafahah* sebagaimana yang diamalkan oleh guru-guru al-Quran sebelumnya. Istimewa dalam pembelajaran *tarannum* ini, bacaan itu diterima daripada mulut ke mulut dan bersambung dengan guru yang mahir. Di Malaysia kita dapati orientasi pembelajaran *tarannum* al-Quran adalah berpandukan potongan harakat lagu yang sudah siap disusun bentuk acuan harakat-harakat lagunya. Namun Che Yahaya Daud dalam pengajarannya, beliau tidak mengikat pembacaan dan pengajaran dengan harakat-harakat tersebut. Pengajaran beliau tidak terikat dengan harakat bahkan beliau menerapkan disiplin dan kaedah serta mempraktikkan secara berhenti (lagu) dan menyambung kembali dengan tali suara dan lagu yang sesuai (Ahmad Junaidi Che Ariffin, 2018).

Justeru Che Yahaya Daud adalah salah seorang tokoh qari yang hebat di Malaysia. Beliau mampu mempersembahkan ilmu *Tarannum* dengan adunan suara yang rapi dan tersusun. Beliau juga menerapkan aspek teknik pengurusan suara bertarannum dengan gaya suara yang merdu dan membangkitkan semangat. Hasilnya, ramai qari dan qariah yang berjaya menerapkan gaya ini dalam bacaan mereka.

Rujukan

- Ahmad Junaidi Che Ariffin. (2018). *Biografi Haji Che Yahaya Daud dan Metode Pengajaran dan Pembelajaran Tarannum di Kelantan*. Kerja Kursus bagi Program Sarjana Muda Ijazah Pengajian Islam PBJJ, Pusat Kelestarian Turath Islami, Fakulti Pengajian Islam.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (1993). *Sahih al-Bukhari*. Dar Ibn Kathir.
- Al-Nasa'i, Ahmad bin Shu'ayb. (1994). *Sunan al-Nasa'i*. Maktab al-Matbu'at al-Islamiyyah.
- Al-Sindi. t.t. *Hashiyah al-Sindi 'ala Ibn Majah*. Dar al-Jil.
- Anuar Hasin. (2019). *Ketokohan Dan Sumbangan Ustaz Che Yahaya Bin Daud Dalam Bidang Tarannum al-Quran Di Malaysia*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan fatwa
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram (1994). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir
- Ibn Qudamah, 'Abdullah bin Ahmad. (1985). *al-Mughni*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Mahyuddin bin Daud. (2013). *Sunnah Tarannum dan Pengenalan Qanun al-Nagham*. Nota Program Sijil Pengajian al-Quran, Universiti Malaya, Nilam Puri.
- Mohd Ali Abu Bakar. (1997). *Seni Lagu al-Qur'an Di Malaysia*. Kuala Lumpur, Darul Fikir.
- Nik Ja'far Nik Isma'il. (1998). *Buku Qawa'id Tarannum, Cara Berlagu*. Kuala Lumpur: Darul Fikr.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. (2010). *Fann Tilawah al-Quran*. Fakulti Pengajian Islam, UKM: Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. (2012). *Ketokohan Syeikh Mustafa Isma'il dan Sumbangan Beliau dalam Dunia Tilawah al-Quran*. Prosiding Seminar Antarabangsa Ilmu Wahyu dan Turath dalam Peradaban Islam, 24 & 25 November 2012. Riau, Universiti Islam Negeri Sultan Sharif Kasim.

Temu bual

Temu bual dengan Ustaz Che Yahaya Daud, di kediaman beliau di Pt 3196 Kampung Derdap, Mukim Limbat 16150 Kota Bharu, Kelantan pada 27 Ogos 2021, pada jam 8.30 pagi sehingga 12.30 tengahari.

Seni Perpindahan Harakat Tarannum: Kajian Terhadap
Metodologi Pengajaran Ustaz Che Yahaya Daud